

BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 04: JULAI & OGOS 2021

UTHM SPORTS ALUMNI SUCCESS STORY - INTERNATIONAL EDITION



Amirul Izzat Husni
Lawn Bowls & Kayak Athlete
Faculty of Engineering Technology

- Sport Achievement:**
 - Lawn Bowls Athlete 2004-2005 (Pioneer Batch)
 - MASUM 2004 / MASUM 2005 / Jelapang Padi Cup / Club Kira Open 2005
 - Kayak Athlete 2002-2003
 - 8th Place Muar Eco Challenge (Kayak, Cycling, Hiking)
- Working Experience:**
 - Under Balanced Drilling Supervisor - Schlumberger - Udhaliyah, Saudi Arabia, 2019 till Present
 - Well Testing Supervisor, Schlumberger - Dhahran, Saudi Arabia, 2009 - 2019

SIRI 01 : KEJAYAAN ALUMNI SUKAN UTHM BERSAMA EN AMIRUL IZZAT HUSNI

02 JULAI 2021

Siri kejayaan sukan kali ini menampilkan Alumni Sukan UTHM yang kini berkhidmat di luar negara. En. Amirul Izzat Husni merupakan Alumni Sukan Boling Padang UTHM dan merupakan batch pertama yang telah memulakan aktiviti sukan boling padang di universiti. Selain itu, beliau juga merupakan atlet sukan kayak dan telah mewakili universiti dalam beberapa siri kejohanan utama.



WORKOUT FROM HOME 1.0

26 JULAI HINGGA 26 OGOS 2021

Workout From Home 1.0 - Cabaran 30 Hari Online Fitness Anjuran Pusat Sukan Universiti Dengan Kerjasama Pejabat Pendaftar ini merupakan inisiatif ke arah membentuk gaya hidup sihat dalam kalangan warga universiti. Program di bawah bimbingan jurulatih terlatih Bahagia Jemali ini telah mendapat penyertaan seramai 40 orang.



PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM SIRI 4/2021

09 OGOS 2021

Perhimpunan Kecergasan UTHM siri 4/2021 anjuran bersama Pusat Sukan Universiti dan Pejabat Pendaftar telah dijalankan dengan jayanya. Perhimpunan Kecergasan kali ini di bawah bimbingan Coach Roy melalui aplikasi Facebook Unit Pembangunan Modal Insan, Pejabat Pendaftar, UTHM.

KURSUS PERATURAN BAHRU PERSEKUTUAN PENCAK SILAT ANTARABANGSA (PERSILAT) BAGI JURULATIH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SECARA MASA

23 HINGGA 25 JULAI 2021

Obektif pengajuran adalah untuk memantapkan pemahaman Jurulatih IPT tentang peraturan baharu PERSILAT yang akan digunakan pada kejohanan silat IPT. Selain itu, penjelasan berkaitan skema pemarkahan pertandingan, penerangan kesalahan-kesalahan ringan dan berat dalam peraturan baharu PERSILAT dan perkara-perkara yang dibolehkan dan dilarang dilakukan oleh jurulatih/pelepas semasa pertandingan dalam peraturan baharu PERSILAT.



TAKLIMAT PASUKAN SILAT MALAYSIA IPT

30 JULAI 2021

UTHM selalu Pusat Sukan Tumpuan Silat KPT telah mengadakan pertemuan bersama barisan pesilat-pesilat terbaik IPT yang terpilih ke kem latihan Pasukan Silat Malaysia IPT. Sesi ini memberi fokus kepada taklimat berkenaan perancangan program latihan pasukan bagi tahun 2021-2022 sebagai persiapan penyertaan beberapa kejohanan silat peringkat antarabangsa dan tempatan.



HUSSEIN WARRIOR VIRTUAL CAMP 1

04 HINGGA 07 OGOS 2021

Bagi memastikan kecemerlangan sukan UTHM berada pada landasannya, Pusat Sukan Universiti telah menjalankan inisiatif bagi penganjuran Hussein Warriors Virtual Camp 1 yang diadakan pada 4-7 Ogos 2021. Penglibatan daripada 9 pasukan ini adalah yang disasarkan sebagai penyumbang utama untuk menaikkan kedudukan UTHM dalam kejohanan utama KPT. Aspek sains sukan dan pemakanan juga dilihat sebagai elemen utama yang diberikan perhatian dalam projek Hussein Warriors ini selain merapatkan hubungan interaksi sesama atlet bagi bersama-sama memegang satu misi memartabatkan kecemerlangan sukan UTHM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

**EDISI 04:
JULAI & OGOS 2021**



SEMBANG SANTAI PASUKAN ROWING

16 OGOS 2021


Pasukan Rowing UTHM telah mengadakan sesi sembang santai melalui platform googlemeet bertajuk "Apakah itu sukan rowing?". Antara intipati dalam sesi tersebut ialah:

- Pengenalan kepada asas sukan rowing.
- Pencapaian dan kejayaan pasukan pada kejohanan sebelum ini.
- Kelebihan-kelebihan apabila menyertai pasukan rowing UTHM.

WEBINAR PST SILAT KPT-UTHM 2021

29 OGOS 2021

Webinar Pusat Sukan Tumpuan Silat KPT-UTHM bersama panel jemputan En. Nazmizan Muhammad, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Seksyen Sukan, KPT dan juga merupakan bekas pelari pecut negara; En. Azli Puddin Pengarah Pusat Sukan Universiti UTHM dan Profesor Madya Dr. Zamani Ngali, Head of Sports Advancement Engineering Research (SPEAR), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, UTHM yang dihoskan oleh moderator Dr. Zulfadli Rozali, Pensyarah Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM dan juga merupakan bekas atlet rowing negara bagi mengupas topik yang sangat menarik didengari oleh jurulatih, wasit juri, pengurus pasukan, atlet, mahasiswa, staf IPT dan warga sukan berkenaan Aplikasi Teknologi Dalam Sukan Silat .



KEJOHANAN UNIVERSITAS NEGERI JAKARTA INTERNATIONAL VIRTUAL PENCAK SILAT CHAMPIONSHIP 2021

21 HINGGA 22 OGOS 2021

UTHM selaku Pusat Sukan Tumpuan (PST) Silat IPT telah menghantar penyertaan dalam Kejohanan Universitas Negeri Jakarta International Virtual Pencak Silat Championship 2021 yang berlangsung pada 21 hingga 22 Ogos 2021. Penglibatan penyertaan keseluruhan adalah sebanyak 1004 pesilat daripada 5 buah negara iaitu Indonesia, Malaysia, Thailand, Belanda dan Singapura.

POSTER-POSTER



1. KAYA KANDUNGAN AIR

Nanas mengandungi sangat banyak air yang bisa membuat kandungan air di tubuh badan terjaga. Kandungan air dalam tubuh badan sangat penting dijaga untuk mendapat berbadan ideal.

2) TINGGI KANDUNGAN SERAT

Nanas memiliki kandungan serat yang tinggi dengan air dan membran gel sehingga memperlancar proses pencernaan. Melalui pencernaan yang baik untuk mensurukkan berat badan kerana membantu perasaan dalam jangka waktu lebih lama sehingga kamu terhindar dari sejumrah makuman yang tidak sihat.

3) KANDUNGAN KARBOHIDRAT YANG TEPAT

Untuk memurunkan berat badan, kamu harus memperhatikan pengambilan karbohidrat di dalam badan. Nanas merupakan buah yang tepat kerana memiliki kandungan yang tepat.

APAKAH KEBAIKAN BUAH MANGGIS?

1. Mengurangkan ekzema bayi kecil
2. Menurunkan kolestrol jahat
3. Membantu melawan jangkitan kuman
4. Mencegah kanser
5. Mengurangkan alahan
6. Mengubati penyakit asma
7. Menjaga kesihatan mata
8. Mencantikkan kulit



1. MENGURANGKAN BERAT BADAN

Jambu batu dapat membantu untuk mengurangkan berat badan tanpa mengganggu pengambilan protein, vitamin dan serat anda seharian. Buah ini kaya dengan mineral dan vitamin, tidak mengandungi kolestrol dan rendah kandungan karbohidrat.

2. MENGAWAL TEKANAN DARAH

Jambu batu kaya dengan vitamin A dan kalium (potassium) yang dapat membantu anda bagi mengurangkan tahap kolestrol dalam darah dan menghalang darah anda dari menjadi pekat dan seterusnya dapat mengawal tekanan darah anda.

3. MEMPERBAIKI PENGILIHATAN

Vitamin A yang terkandung di dalam jambu batu dapat memperbaiki pembentukan katarak dan menghalang pengilihan anda menjadi kabur. Bagi mereka yang mengalami simptom rabun ayam iaitu tidak dapat melihat dengan jelas ketika gelap atau pada waktu malam, anda disarankan untuk mengamalkan pemakanan yang mempunyai vitamin A seperti



KEBAIKAN KACANG BADAN (ALMONDS)

Mengurangkan kedutan kulit

Mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular

Membantu mengawal gula darah

Boleh mengurangkan rasa lapar dan mengurangkan pengambilan kalori

Never say never because limits, like fears, are often just illusions - Micheal Jordan